

25/08/2001

Imam ingatkan umat Islam kesan kealpaan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Imam Besar Masjid Negara, Abdul Jalil Daeng Perangreng, mengingatkan umat Islam bahawa sudah ada tanda-tanda kecuaiian dan kealpaan dalam masyarakat hingga menimbulkan pelbagai masalah, terutama di kalangan remaja.

Beliau berkata, jika masalah itu tidak dibanteras segera, ia boleh menyebabkan Malaysia dijajah semula khususnya penjajahan minda iaitu suatu penjajahan bentuk baru yang licik serta halus.

"Contohnya, masalah seperti black metal dan sebagainya di kalangan remaja. Oleh sebab terlalu merdeka, mereka lupa dan alpa mengenai pengorbanan, disiplin, tanggungjawab dan jati diri.

"Masalah ini tidak boleh dipertanggungjawab kepada kerajaan saja. Tanggungjawab menyekat atau mengatasi masalah ini harus dipikul bersama seluruh rakyat, khususnya ibu bapa," katanya dalam khutbah Jumaat di Masjid Negara di sini, hari ini.

Selepas solat Jumaat yang diimamkan Imam Masjid Negara, Pirdaus Ismail, majlis tahlil dan doa selamat diadakan sempena Hari Kemerdekaan ke-44.

Hadir sama Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdul Jalil berkata, ibu bapa harus mendidik dan mendisiplinkan remaja dengan penuh kasih sayang supaya mereka berasa sentiasa dihargai kerana remaja adalah pewaris kepemimpinan negara.

"Untuk itu, marilah kita bersama-sama menggembelng tenaga dan berdoa supaya akhlak serta minda remaja kita tetap utuh serta berdaya tahan. Janganlah kita biarkan pintu masa depan remaja kita terbuka luas yang memudahkan anasir tidak sihat menyelinap masuk.

"Kita harus semat dalam jiwa kita bahawa generasi pada hari ini adalah penentu kepada kemakmuran negara pada masa hadapan," katanya.

Beliau berkata, di samping mengawal dan cuba mengatasi masalah remaja itu, semua pihak harus berjaga-jaga dan bersatu dari segi penjajahan ekonomi dan politik yang menggunakan pelbagai istilah berbunga-bunga serta dilaungkan di merata tempat bagi mengabui mata seperti kerjasama global dan dunia tanpa sempadan atau globalisasi.

"Sekali kita leka, banyak masalah akan mendatang. Oleh yang demikian, kita harus kembali kepada konsep Islam iaitu kesejahteraan, kedamaian dan keamanan yang semuanya menjurus kepada maksud kemerdekaan," katanya.

Abdul Jalil berkata, rakyat harus menjadikan Malaysia bukan saja terkenal kerana keindahan dan kemakmuran muka buminya, malah terkenal dengan ketinggian budi pekerti dan disiplin rakyatnya.

Mengenai perpaduan, beliau berkata Malaysia adalah contoh kepada dunia luar dan tiada negara lain di dunia yang mempunyai masyarakat majmuk yang hidup dalam keadaan tenteram serta harmoni, saling membantu dan hormat menghormati antara satu sama lain seperti di negara ini.

Katanya, suasana dan keadaan yang dialami negara ini adalah cara yang dituntut Islam. Malah pada zaman Rasulullah, baginda menitikberatkan perpaduan serta toleransi di kalangan penduduk Islam dan bukan Islam.

"Justeru, marilah kita bersama-sama pelihara kemerdekaan kita ini dengan mengekalkan perpaduan yang wujud di kalangan rakyat pelbagai kaum supaya tidak akan ada perasaan curiga mencurigai sesama kita.

"Kita kekalkan permuafakatan yang sudah wujud sejak 44 tahun lalu sebagai kunci kepada kecemerlangan negara kita pada masa akan datang," katanya.

(END)